

# **TUAN GURU DATO' HAJI MUHAMMAD NOR PENAMBANG: PERANAN DAN SUMBANGANNYA DALAM INSTITUSI FATWA DI KELANTAN**

(Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Nor Penambang:  
His role and contribution to the Institution of Fatwa in Kelantan)

Oleh:  
Asyiqin Ab Halim\*

## **Abstrak**

Kewujudan jawatan mufti di negeri Kelantan mendahului penubuhan institusi fatwa di Kelantan yang dikenali sebagai Jemaah Ulama' pada peringkat awal, sekitar tahun 1820 atau 1830. Selepas penubuhan institusi fatwa secara formal di Kelantan pada tahun 1918, pelbagai perubahan telah berlaku termasuklah perubahan yang dilakukan oleh salah seorang tokoh ulama' di Kelantan sekitar tahun 1960an, iaitu, Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim Penambang (TGMNI). Beliau seorang ulama' yang tidak hanya pakar dalam bidang perundangan Islam, malah dalam disiplin ilmu Islam yang lain seperti ilmu falak, faraid, tafsir, hadis dan qira'at. Di atas ketokohan ini, beliau telah dilantik menjadi mufti Kerajaan Kelantan dari tahun 1968 hingga 1987. Beliau telah memainkan peranan yang besar dan penting dalam melakukan perubahan dan pembaharuan di dalam institusi fatwa di Kelantan, sewaktu memegang jawatan sebagai mufti dan Pengerusi Jemaah Ulama'. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji peranan, sumbangan dan pembaharuan yang telah dilakukan oleh beliau, di samping mengkaji sejarah perkembangan institusi fatwa di negeri Kelantan dan sejarah latar belakang beliau dalam bidang pendidikan, sejarah kehidupan dan sumbangannya terhadap masyarakat. Kajian ini menggunakan metodologi kajian bersifat kualitatif dengan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan dan temubual. Hasil kajian ini mendapat institusi fatwa atau pejabat Mufti di Kelantan yang wujud pada hari ini merupakan hasil daripada perubahan dan pembaharuan oleh TGMNI dalam memantapkan institusi ini. Kajian ini signifikan bagi mengkaji sejarah penubuhan institusi fatwa di Kelantan di samping menganalisis sumbangan TGMNI dalam institusi ini. Secara keseluruhannya TGMNI telah melakukan banyak pembaharuan yang penting dalam meningkatkan kualiti institusi fatwa di Kelantan. Beliau juga telah mengeluarkan fatwa-fatwa yang bersifat menyeluruh dan menepati kehendak permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Kelantan pada masa tersebut.

Kata kunci: *Mufti Kelantan, Ulama, Institusi Fatwa, Islam, Malaysia*

## **Abstract**

*The post of mufti in Kelantan has been established earlier than the establishment of institution of fatwa in Kelantan (known as Jemaah Ulama' at that time), which was found around 1820 or 1830s. Once the institution was officially established in 1918, numbers of reformation has been done to enhance its quality. This included the contribution and reformation by one of the local religious scholars, name Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim Penambang (TGMNI). He is a scholar who was expert numbers of Islamic disciplines, such as Islamic astronomy (falak), faraid, tafsir, hadith and qira'at. Due to this advantages that he had, he was appointed as Mufti of Kelantan from 1968 to 1987. Throughout his career as a mufti, he had played numbers of important roles and contributed numbers of contribution in improving the quality of the institution. Hence, this research studies on these aspects, as well as the historical background and development of institution of fatwa in Kelantan and the biography of him in educational background, his life and contribution to the society. This research employed the qualitative method and collecting the data via library research*

---

\* Asyiqin Ab Halim, PhD, pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. email : aasyiq5@um.edu.my

and interviews. This study is significant in exploring the historical background of institution of fatwa in Kelantan and analyzing the roles and contribution of TGMNI in this field. Overall, TGMNI had reformed and improved the quality of this institution. Furthermore, he had released numbers of comprehensive fatwa which met the needs of the community in Kelantan at that time. Hence, this research expected to enrich studies regarding local religious scholars in Malaysia and to introduce TGMNI to public as one of prominent religious scholars in 1960s.

**Keywords:** Mufti of Kelantan, Ulama, Institution of Fatwa, Islam, Malaysia

## Pendahuluan

Institusi fatwa di Kelantan mula ditubuhkan pada tahun 1918, melalui penubuhan Majlis atau Jemaah Ulama', yang merupakan satu badan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Insitusi ini bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan fatwa, di samping membantu masyarakat menyelesaikan masalah berkaitan agama. Di Kelantan, jawatan mufti mendahtului penubuhan institusi fatwa itu sendiri, di mana Kelantan mempunyai mufti pada tahun 1820 atau 1830, pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886), sebelum institusi fatwa ditubuhkan pada tahun 1918. Para mufti dilantik melalui perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan berdasarkan beberapa kriteria seperti 'alim' atau mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai ilmu. Seorang mufti bertanggungjawab menjawab kemosyikilan agama daripada orang ramai, mempunyai kuasa kehakiman dengan dibantu oleh kadi untuk perbicaraan mahkamah,<sup>1</sup> menghadiri mesyuarat kerajaan negeri, menjadi pembantu kepada hakim dalam perkara-perkara berkaitan isu syariah di Mahkamah Tinggi, mendengar kes-kes rayuan di Mahkamah Syariah. Beberapa orang mufti telah dilantik sebagai mufti sebelum wujudnya insitusi fatwa di Kelantan, antaranya Haji Nik Wan Daud bin Wan Sulaiman (1870-1907), Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah (1907-1908) dan Haji Wan Musa bin Wan Abdul Samad (1908-1916).<sup>2</sup>

Pertambahan tugas-tugas mufti menyebabkan para mufti tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan baik. Tidak wujud pengkhususan bidang tugas berkaitan fatwa juga menyebabkan mufti perlu memikul tanggungjawab tersebut secara bersendirian. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati di kalangan pemimpin agama di Kelantan terhadap pemusatan kuasa yang terlalu banyak kepada mufti dan sedikit-sebanyak telah membawa kepada kemerosotan pentadbiran Islam di negeri Kelantan.

Ekoran daripada itu, beberapa perubahan dari sudut pentadbiran berkaitan hal-hal agama Islam di Kelantan telah dilakukan.<sup>3</sup> Pada 24 Januari 1918, Majlis atau Jemaah Ulama' selaku institusi fatwa rasmi di Kelantan telah ditubuhkan, tiga tahun selepas penubuhan Majlis Agama Islam Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 24 Disember 1915 atau 17 Safar 1334.<sup>4</sup> Majlis atau Jemaah Ulama' ditubuhkan khusus untuk membantu Majlis Agama Islam Kelantan dalam hal-hal berkaitan keagamaan, khususnya berkaitan dengan fatwa syariah.<sup>5</sup> Cadangan penubuhan Majlis atau Jemaah Ulama' ini mungkin dicetuskan oleh mereka yang bertanggungjawab menubuhkan MAIK,

<sup>1</sup> Abdul Monir Yaacob dan Roslili Abdul Majid, (1998), *Mufti dan Fatwa Negeri-Negeri Asean*, Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia, h 120

<sup>2</sup> Mohd Shukri Muhammad, "Jemaah Ulama'", *Pengasuh*, bil 511, April 1991, Kota Bharu: MAIK, h 2

<sup>3</sup> Noraini Mohd Zain, "Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", dalam Nik Mohammed bin Nik Mohd Salleh, 1988, *Warisan Kelantan VII*, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h 62.

<sup>4</sup> Mohd Shukri Muhammad, "Jemaah Ulama' Majlis", *Pengasuh*, bil 511, h 2

<sup>5</sup> Ibid

memandangkan tidak terdapat maklumat mengenai pengasas Jemaah atau Majlis Ulama' ini.<sup>6</sup> Di antara individu yang terlibat dalam penubuhan MAIK ialah Haji Nik Mahmud Ismail (Dato' Bentara dan kemudiannya Dato' Perdana Menteri Paduka Raja, selaku Menteri Besar Kelantan), Haji Muhammad Yusof bin Ahmad atau Tok Kenali dan Haji Muhammad bin Khatib Haji Muhammad Said.<sup>7</sup>

Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Nor bin Dato' Haji Ibrahim Penambang (TGMNI) merupakan salah seorang ulama' terkemuka di Kelantan pada abad ke-18, yang dilantik sebagai mufti negeri Kelantan yang kesembilan. Beliau dilantik bagi menggantikan Dato' Ahmad Maher yang telah meninggal dunia pada 16 Mac 1968.<sup>8</sup> Sewaktu beliau dilantik sebagai pengurus Jemaah Ulama', beliau telah melakukan pembaharuan dan perubahan dalam institusi fatwa di Kelantan yang telah meningkatkan kualiti pengurusan fatwa di Kelantan pada masa tersebut.

### **Latarbelakang TGMNI**

TGMNI merupakan tokoh di Kelantan yang mungkin tidak begitu dikenali di luar Kelantan, meskipun beliau dikatakan tokoh kedua termasyhur selepas Tok Kenali dan di antara ulama' muktabar di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>9</sup> Beliau seorang tokoh agama yang mahir dalam pelbagai bidang agama, antaranya far'a'id, falaq, tafsir, qira'at dan bahasa Arab.

Beliau dilahirkan di Pasar Lido, Kota Bharu, Kelantan pada 20 Ogos 1905, hari Ahad, waktu pagi, bersamaan 19 Jamadil Akhir 1323 H.<sup>10</sup> Merupakan anak kepada Haji Ibrahim bin Haji Yusof bin Haji Salih bin Isa bin Zakaria bin Tok Surau Banggol.<sup>11</sup> Ayahanda beliau juga dikenali sebagai "Haji Ibrahim Tok Raja" atau "Tok Ji",<sup>12</sup> juga seorang mufti kerajaan Kelantan dari tahun 1927 hingga 1941.<sup>13</sup> Haji Ibrahim seorang yang berperwatakan lembut, tetapi dihormati dan digeruni oleh masyarakat, manakala bonda TGMNI bernama Che' Zainab binti Haji Taib, yang mana Haji Taib ini dikenali sebagai Tuan Guru Tuan Padang.<sup>14</sup> TGMNI merupakan anak sulung kepada ayahandanya, Haji Ibrahim bin Yusof dan isteri kedua ayahandanya, Che Zainab binti Haji Taib. Beliau hanya mempunyai dua orang adik-beradik dari seibu dan seapa, iaitu beliau dan adiknya Khadijah.<sup>15</sup>

Dari sudut pendidikan, beliau telah dibawa oleh ayahandanya ke Makkah pada usia lapan bulan<sup>16</sup> atau setahun<sup>17</sup>, membesar dalam suasana di tanah Arab yang agak keras dan lasak. Pengalaman ini telah membentuk peribadi beliau sebagai seorang yang kuat, tahan lasak, berani dan gigih dalam menjalani kehidupan seharian,<sup>18</sup> di samping membolehkan beliau bertutur dalam bahasa Arab dengan fasih.<sup>19</sup>

<sup>6</sup> Wawancara bersama Dato' Haji Mohammad Shukri bin Muhammad, Mufti Kerajaan Kelantan di Pejabat Mufti, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 20 Julai 2003 (semasa wawancara ini diadakan, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan).

<sup>7</sup> Abdul Razak Mahmud, "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (1992), *Warisan Kelantan IX*, Kelantan: Perbadanan Muzium Kelantan, h 2

<sup>8</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh*, bil 520, Jun 1992, h 11

<sup>9</sup> Abdul Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kelantan: Pustaka Aman Press, h 141

<sup>10</sup> Muhammad Yunan Mahmood (2000), *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, Kota Bharu, Kelantan: Yayasan Islam Kelantan, hal 145 dan Abdul Razak Mahmud, *Pengasuh*, bil 511, April 1991, h 5

<sup>11</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 145

<sup>12</sup> Wawancara dengan En Abdullah Yusof, pemandu TGMNI di Kampung Penambang pada 19 Julai 2003.

<sup>13</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 146

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Ibid

<sup>16</sup> Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h 142

<sup>17</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 146

<sup>18</sup> Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h 142

<sup>19</sup> Ibid

Pada tahun 1918, beliau telah kembali ke tanahair ketika berusia sembilan atau sepuluh tahun dan dimasukkan di Madrasah Muhammadiyah, sebuah sekolah di bawah kelolaan MAIK.<sup>20</sup> Beliau merupakan di antara golongan perintis yang mempelajari matapelajaran Bahasa Inggeris di sekolah ini, bersama-sama rakan-rakan yang lain, antaranya Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil (bekas Speaker Dewan Rakyat), Tengku Mohd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin (Tengku Seri Maharaja), Dato' Nik Hussin Nik Zainal (Dato' Kaya Setia) dan ramai lagi.<sup>21</sup> Peluang mempelajari bahasa Inggeris ini membolehkan beliau bertutur dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik, yang menjadi satu kelebihan yang jarang dimiliki oleh kebanyakkan ulama' tempatan.<sup>22</sup>

Selepas mendirikan rumah tangga dengan isteri beliau bernama Hajjah Nik Zainab pada tahun 1923, beliau telah meneruskan pengajiannya di Makkah. berangkat ke sana bersama-sama isterinya.<sup>23</sup> Di sana, beliau mendalami pelbagai ilmu-ilmu agama, antaranya ilmu tajwid, qira'at, feqah, usuluddin, tafsir, hadis dan juga tibb<sup>24</sup> (ilmu perubatan) daripada guru-guru yang terkenal, termasuklah Tuan Guru Syeikh Abdullah (Tok Senggora), Syeikh Nuh Jamaluddin Kelantan, Syeikh Nur Fatani, Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatani, Pak Da Ail,<sup>25</sup> dan Haji Sulung Fatani.<sup>26</sup>

Beliau dikatakan telah pulang ke tanahair dan berangkat lagi ke Makkah buat kali ketiga, iaitu pada tahun 1929 untuk lebih mendalami ilmu agama, khususnya pengajian al-Qur'an dengan Tuan Guru Syeikh Abdullah (Tok Senggora).<sup>27</sup> Hasilnya, beliau telah berjaya menghafal keseluruhan al-Qur'an, mempelajari tujuh qira'at yang masyhur (Qira'at as-Sab'u) dan mendapat tauliah pengajian al-Qur'an daripada 20 orang qari terkenal di Makkah yang telah menyemak bacaannya.<sup>28</sup> Akhirnya, pada tahun 1937, beliau telah kembali ke tanah air untuk memberikan sumbangannya kepada masyarakat khususnya di Kelantan.

Sumbangan beliau terhadap masyarakat bermula apabila beliau mula berkhidmat sebagai Qadhi Kelantan pada tahun 1937,<sup>29</sup> di atas perkenan KDYMM Almarhum Sultan Ismail ibn Almarhum Sultan Muhammad keempat.<sup>30</sup> Pada tahun 1941, beliau telah dilantik sebagai Mufti Khas atau Mufti Istana<sup>31</sup>, selaku penasihat kepada KDYMM Sultan Ismail. Jawatan ini dipegang sehingga tahun 1944, setelah jawatan tersebut dimansuhkan semasa KDYMM Sultan Ibrahim menjadi Sultan Kelantan. Bermula pada tahun 1945, beliau mula terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan apabila dilantik menjadi salah seorang tenaga pengajar di Jami'e Merbai al-Ismaili.<sup>32</sup>

Kemudian, pada tahun 1965 hingga April 1968, beliau telah diminta oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu untuk mengendalikan kelas tahfiz al-Qur'an di Masjid Negara, Kuala Lumpur.<sup>33</sup> Beliau telah bersetuju dan berhijrah ke Kuala

<sup>20</sup> Ibid

<sup>21</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 148

<sup>22</sup> Razak Mahmud, h 143.

<sup>23</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 149, Mohd Kamil Abdul Majid, "Dato' Haji Mohd Nor bin Ibrahim (1905-1987)", *Pengasuh*, November 1991, bil 515, h 20

<sup>24</sup> Ibid

<sup>25</sup> Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h 143

<sup>26</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh*, h 34

<sup>27</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 150

<sup>28</sup> 20 orang qari terkenal di Makkah ini dijemput oleh Tok Senggora untuk memeriksa bacaan TGMNI. Muhammad Yunnan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 150

<sup>29</sup> Ada sumber lain yang menyatakan, beliau mula berkhidmat sebagai Qadhi pada 2 Januari 1939 (Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h 143 dan Ismail Che Daud, h 34)

<sup>30</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 151

<sup>31</sup> Ada sumber lain yang menyatakan, pada awal 1942

<sup>32</sup> Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h 144

<sup>33</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 152

Lumpur bagi memenuhi permintaan tersebut. Namun, beliau hanya sempat berkhidmat selama tiga tahun sahaja. Walaubagaimanapun, sepanjang perkhidmatan beliau di sana, beliau telah berjaya menghasilkan murid-murid yang menjadi perintis kepada menghafaz al-Qur'an, antaranya Abu Hassan Din al-Hafiz, Muhsin Syeikh Ahmad, Ismail Mahmud, Zainal Abidin Ahmad dan Salehuddin Omar.<sup>34</sup>

Pada tahun 1968, beliau dilantik sebagai Mufti Kerajaan Kelantan, menggantikan Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail (Dato' Kaya Purba) yang meninggal dunia pada 16 Mac 1968.<sup>35</sup> Pada mulanya beliau menolak untuk menerima amanah tersebut. Namun, setelah berbincang dengan pihak istana, beliau akhirnya bersetuju untuk memikul tanggungjawab tersebut. Beliau telah menjadi Mufti Kerajaan Negeri Kelantan kesembilan dari tahun 1968 hingga ke akhir hayat beliau pada tahun 1987.

Sebagai seorang ulama', TGMNI turut mengadakan kelas-kelas pengajian termasuklah mengajar di Masjid Sa'adatul Ikhwan, Kampung Penambang semenjak beliau pulang dari Makkah dalam tahun 1937 sehinggalah beberapa minggu sebelum beliau meninggal dunia.<sup>36</sup> Pengajaran tersebut berkaitan dengan tafsir, feqah, hadis, tasauf dan ulum al-Qur'an.<sup>37</sup> Di samping itu, beliau turut mengadakan kelas khusus untuk golongan wanita 'menadah kitab'. Kelas ini dibuka sekitar tahun 1938, bertempat di rumah adiknya Hajjah Hamidah di belakang Masjid Muhammadi Kota Bharu. Di antara penuntut-penutut wanita yang mengikuti kelas ini ialah Hajjah Salamah binti Haji Hassan.<sup>38</sup>

Dari sudut penulisan, TGMNI aktif berkarya dan mengarang buku-buku dalam pelbagai bidang agama seperti tafsir al-Qur'an, tauhid, falaq dan faraid. Di antara karya-karya beliau ialah *Pilihan Mustika Pada Menerangkan Qiblat dan Ketika*, tulisan dalam bidang falaq, *Bantuan Ketika Bagi Orang Yang Membahagikan Harta Pusaka*, buku berkaitan faraid, *Ramuan Rapi: Dari Erti Surah Al-Kahfi dan Tafsir Pimpinan al-Rahman*, karya dalam bidang tafsir al-Qur'an, kitab *Suluhan Al-Naim* (tanpa tarikh) berkaitan qira'at al-Qur'an dan *Kitab Mustika Hadis*, tulisan berkaitan hadis.

Di atas sumbangan-sumbangan beliau dalam bidang agama dan masyarakat, beliau telah dikurniakan darjah kebesaran negeri Kelantan oleh Sultan Yahya Petra ibni Alhmarhum Sultan Ibrahim, iaitu Seri Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (S.J.M.K) yang membawa gelaran Dato'.<sup>39</sup> Beliau juga telah dianugerahkan gelaran Dato' Kaya Purba oleh KDMM Sultan Ismail Petra Ibn Al-marhum Sultan Yahya Petra, di atas jawatan Mufti Kerajaan Kelantan yang dipegang oleh beliau pada masa itu. Selain itu, beliau juga menerima anugerah Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang kesembilan, pada 3 Julai 1988 sebagai mengenang jasa dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan, khususnya di Kelantan.<sup>40</sup>

TGMNI telah meninggal dunia pada hari Jumaat, 13 Februari 1987, bersamaan 15 Jamadil Akhir 1407, jam 12.48 atau 12.50 tengah hari, di kediamannya di Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan setelah mengalami demam selama seminggu.<sup>41</sup> Beliau telah menghembuskan nafas terakhir dengan dikelilingi oleh dua orang isteru dan cucunya, dalam usia 81 tahun.<sup>42</sup> Beliau kemudiannya telah dikebumikan di tanah perkuburan Che Siti, Banggol, Kota Bharu, Kelantan dengan

<sup>34</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh*, 1992, hal 35

<sup>35</sup> Ibid, hal 34

<sup>36</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 153-154

<sup>37</sup> Ibi

<sup>38</sup> Ibid, h 155-156. Hajjah Salamah binti Haji Hasan merupakan salah seorang pendidik di Kelantan yang telah dianugerahkan Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan pada tahun 1989. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 168-180

<sup>39</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh* 1992, h 36

<sup>40</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 166

<sup>41</sup> Ibid

<sup>42</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh* , 1992, h 36

meninggalkan dua orang balu, 13 orang anak dan 79 orang cucu.<sup>43</sup> Pemergian beliau amat dirasai oleh masyarakat khususnya di Kelantan, kerana jasa dan sumbangan beliau kepada umat Islam di samping kepakaran beliau dalam pelbagai bidang ilmi agama yang sukar dicari ganti hingga ke hari ini.

### Peranan dan Sumbangan TGMNI dalam Perkembangan Institusi Fatwa di Kelantan

TGMNI telah terlibat secara langsung dalam institusi fatwa di Kelantan,<sup>44</sup> sebelum beliau dilantik sebagai mufti kerajaan Kelantan pada tahun 1968, menggantikan Dato' Haji Ahmad Maher, yang meninggal dunia pada tahun yang sama. Beliau telah menganggotai Majlis Ulama' dari tahun 1940 hingga 1946. Pada tahun 1941, beliau telah dilantik sebagai Mufti Khas atau Mufti Istana kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail,<sup>45</sup> bagi menggantikan tempat Dato' Haji Ahmad Maher yang diangkat menjadi mufti Kelantan. Jawatan ini dipegang selama lima tahun, dari 1 September 1941 hingga akhir Jun 1944, di mana jawatan ini telah dimansuhkan oleh KDYMM Sultan Ibrahim semasa pemerintahan baginda.

Beliau turut memegang jawatan sebagai pemangku mufti selama lapan atau sembilan bulan sewaktu Dato' Haji Ahmad Maher, mufti kerajaan Kelantan pada waktu itu bercuti di luar negara.<sup>46</sup> Ada satu sumber yang menyatakan, beliau memegang jawatan tersebut dari 6 Mei 1954 hingga 5 Januari 1955, manakala sumber lain ada menyebut, dari 6 Mei 1964 hingga 15 Januari 1955.<sup>47</sup>

Selepas kematian Dato' Ahmad Maher, beliau telah dipanggil untuk mengisi kekosongan jawatan mufti. Pada waktu itu, beliau berada di Kuala Lumpur, mengendalikan kelas tahniz di Masjid Negara. Pada mulanya beliau menolak tawaran tersebut, tetapi atas desakan daripada KDYMM Sultan Yahya Petra melalui rundingan yang dilakukan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan dan pihak istana, beliau bersetuju untuk memegang amanah tersebut. Lantaran itu, beliau telah dilantik sebagai Mufti Kerajaan Kelantan, pada bulan April 1968 atau 1 Mei 1968 sehingga beliau meninggal dunia pada 13 Februari 1987.<sup>48</sup> Beliau juga menjadi Pengurus Jemaah Ulama', Pengurus Mahkamah Rayuan Syariah, memandangkan bidang tugas mufti pada masa tersebut merangkumi bidang tugas di bawah Mahkamah Syariah), ahli Majlis Penasihat Raja dan ahli Majlis Perajaan Negeri dan beberapa jawatan lain.<sup>49</sup>

Sepanjang 19 tahun memegang jawatan sebagai mufti dan memimpin Jemaah Ulama', TGMNI telah melakukan perubahan dalam hal-hal berkaitan fatwa. Perubahan yang dilakukan oleh beliau ini telah menaikkan imej Jemaah Ulama' dalam mengeluarkan sesuatu fatwa dan menerangkan permasalahan hukum sesuatu perkara dengan lebih jelas kepada masyarakat.

Salah satu perubahan yang beliau lakukan ialah mengubah pendekatan Jemaah Ulama' dalam mengeluarkan fatwa. Sebelum beliau menjadi pengurus Jemaah Ulama', para ahli Jemaah Ulama' yang menghadiri mesyuarat akan mengeluarkan pendapat masing-masing mengenai sesuatu masalah yang sedang dibincangkan, berdasarkan ilmu dan ingatan mereka terhadap ilmu berkaitan permasalahan tersebut tanpa merujuk kepada mana-mana buku atau membuat penyelidikan terlebih dahulu. Semasa TGMNI menjadi pengurus Jemaah Ulama', beliau telah meminta semua ahli Jemaah Ulama' menyediakan bahan-bahan rujukan daripada mana-mana kitab atau buku terlebih dahulu sebelum berbincang mengenai isu yang perlu difatwakan. Beliau akan memaklumkan lebih awal

<sup>43</sup> Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 166

<sup>44</sup> Mohd Shukri Muhammad, "Jemaah Ulama'", *Pengasuh*, bil 511, April 1991, h 5

<sup>45</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh*, 1992, h 35

<sup>46</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh*, 1992, h 35

<sup>47</sup> Ibid dan Muhammad Yunan Mahmood, *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, h 154

<sup>48</sup> Ismail Che Daud, "Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)", *Pengasuh*, 1992, h 37

<sup>49</sup> Mohd Kamil Abdul Majid, "Dato' Haji Mohd Nor bin Ibrahim (1905-1987)", *Pengasuh*, h 23

kepada ahli-ahli Jamaah Ulama' mengenai isu-isu yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat Jamaah Ulama' dan meminta ahli-ahli mesyuarat supaya mencari dalil-dalil dan maklumat-maklumat mengenai perkara tersebut di dalam buku-buku yang dirujuk.

Ini menunjukkan beliau sangat mementingkan sumber rujukan dalam mengukuhkan dalil-dalil atau nas-nas yang dibentangkan, supaya hujah yang dikemukakan dapat meyakinkan ahli-ahli Jamaah Ulama' yang lain. Pendekatan ini juga membantu Jamaah Ulama' dalam mengeluarkan fatwa yang meyakinkan dan tiada mempunyai keraguan di dalamnya. Perubahan ini juga telah mengubah tradisi yang diamalkan oleh ahli Jamaah Ulama' dalam mengeluarkan fatwa sebelum ini, selaras dengan perkembangan semasa yang menuntut ahli-ahli Jamaah Ulama' memperbanyak membaca dan merujuk bahan bacaan dan mendalami sesuatu perkara dengan lebih teliti dan mendalam.<sup>50</sup>

Selain itu, beliau mementingkan pendapat daripada ahli Jamaah Ulama' sebelum mereka memberikan pendapat para ulama' muktabar berhubung sesuatu isu. Dalam lain perkataan, ahli Jamaah Ulama' tidak seharusnya terus merujuk kepada pendapat ulama' muktabar dalam menghuraikan dan menyelesaikan sesuatu isu Sebaliknya mereka perlu menghuraikan permasalahan yang dibincangkan dan mengemukakan pendapat mereka sendiri berhubung permasalahan tersebut<sup>51</sup>. Seterusnya, barulah ahli Jamaah Ulama' mengemukakan hujah atau mungkin pendapatnya sendiri tentang permasalahan tersebut, dengan bersandarkan kepada dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Hadis atau pendapat ulama' muktabar. Dalam hal ini, TGMNI dilihat berusaha meletakkan ahli-ahli Jamaah Ulama' setaraf dengan ulama' muktabar, dengan menggalakkan mereka berpegang pada pendapat mereka sendiri dengan bersandarkan kepada Al-Qur'an dan Al-Sunnah dan Al-Hadis, dan tidak semata-mata bersandarkan kepada pendapat orang lain. Melalui pendekatan ini juga beliau dapat mengelakkan ahli Jamaah Ulama' daripada bertaqlid dengan pendapat ulama' tertentu tanpa cuba mengkaji atau mengeluarkan pendapatnya sendiri dalam mengeluarkan fatwa atau hukum sesuatu perkara.<sup>52</sup>

TGMNI juga dilihat tidak begitu terikat dengan mazhab Shafie dalam menjelaskan sesuatu masalah agama. Beliau agak terbuka dari sudut pemikiran, dengan menerima pendapat daripada mazhab-mazhab lain selain dari mazhab Shafie. Malah, beliau menerima pakai pendapat mana-mana mazhab selagi mana ia tidak bersalahan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah dan dapat menjaga kemaslahatan ummah. Pada pendapat beliau, tidak salah menerima pendapat mazhab-mazhab lain dalam keadaan tertentu memandangkan ia datang dari sumber yang sama iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah.<sup>53</sup>

Pembaharuan ini telah diaplikasikan secara menyeluruh apabila ia dimaktubkan di dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Seksyen 37(2) yang menyebut,

"Jika Majlis atau Jamaah Ulama' berpendapat bahawa qaul yang muktamad dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jamaah Ulama' bolehlah dengan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengikt qaul dari mana-mana mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka qaul Ahli sunnah Wal Jamaah hendaklah diikuti."<sup>54</sup>

<sup>50</sup> Wawancara bersama Dato' Haji Mohammad Shukri bin Muhammad, Mufti Kerajaan Kelantan di Pejabat Mufti, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 20 Julai 2003 (semasa wawancara ini diadakan, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan).

<sup>51</sup> Wawancara bersama Allahyarham Dato' Haji Hasbullah bin Mohd Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan di Pejabat Mufti Kelantan, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 3 Ogos 2003

<sup>52</sup> Wawancara bersama Dato' Haji Mohammad Shukri bin Muhammad, Mufti Kerajaan Kelantan

<sup>53</sup> Ibid

<sup>54</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994, bil 4, h 40

Inilah di antara pembaharuan yang telah dilakukan oleh TGMNI berhubung dengan institusi fatwa yang telah menaikkan imej para mufti dan institusi fatwa khususnya di Kelantan.

Sebagai seorang mufti, beliau juga tidak terlepas dari membincangkan dan mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan isu dan masalah semasa. Beliau bersama Jemaah Ulama pernah mengeluarkan fatwa berkaitan dengan isu-isu kontroversi. Antara terdapat segolongan umat Islam dalam tahun 1980an yang telah mengeluarkan pendapat mengenai perkara-perkara di bawah:

- a) Tidak sah sembahyang di belakang imam dari Barisan Nasional
- b) Haram memakan daging binatang sembelihan orang Barisan Nasional
- c) Terfasakh nikah antara suami dan isteri orang Barisan Nasional dengan orang bukan Barisan Nasional
- d) Tidak sah nikah oleh imam dari golongan Barisan Nasional
- e) Kena perbaharui nikah yang diakad oleh imam dari Barisan Nasional
- f) Tidak boleh ditanam mayat orang Barisan Nasional di perkuburan orang Islam
- g) Orang Barisan Nasional yang mati atau meninggal dunia tidak boleh disembahyangkan ke atasnya kerana murtad dan mereka juga tidak boleh sembahyang ke atas mayat orang PAS
- h) Orang Barisan Nasional tidak perlu sembahyang, puasa, naik haji kerana tidak amalan mereka tidak diterima Tuhan<sup>55</sup>

Melihatkan kepada pendapat yang dikeluarkan ini dan bahayanya kepada perpaduan umat Islam, Jemaah Ulama' dengan diketuai oleh TGMNI telah mengadakan satu siding atau mesyuarat khas bagi membincangkan hal tersebut. Sidang ini telah dihadiri oleh semua anggota ahli Jemaah Ulama' yang terdiri daripada Dato' Haji Ismail bin Haji Yusof selaku Timbalan Mufti Kelantan pada masa tersebut, Tuan Haji Abdul Ghani bin Awang Kechik, Tuan Haji Muhammad bin Haji Yusof, Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar (Pondok Terusan Pasir Tumboh), Tuan Haji Hassan bin Haji Ismail, Tuan Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman, Tuan Haji Hasbullah bin Mat Hassan selaku imam besar dan Tuan Haji Hassan bin Haji Idris. Melalui persidangan ini, satu keputusan telah diambil berhubung dengan isu-isu di atas, iaitu, "Setelah membahas mengenai perkara-perkara tersebut dengan berasaskan kepada kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab tauhid karangan ulama' yang muktabar, maka dengan sebulat suara Jemaah Ulama' membuat keputusan bahawa perkara tersebut adalah tidak benar dan bertentangan dengan ajaran Islam serta sangat mendatangkan bahaya terhadap aqidah Islamiyah dan perpaduan orang-orang Islam."<sup>56</sup>

TGMNI dan Jemaah Ulama' juga turut mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan isu-isu yang bersifat semasa dan terkini. Sebagai contoh, beliau pernah ditanya oleh Encik Nik Shafie bin Nik Muhammad dari Guchil, Kuala Krai, Kelantan dalam tahun 1982 berhubung isu Amanah Saham Nasional.<sup>57</sup> Di dalam surat balas tersebut, beliau menyatakan, "Saya belum nampak adanya satu-satu sebab yang menghalangkan pembelian Amanah Saham Nasional, maka sesiapa yang ada kemampuan membeli saham yang tersebut, saya faham dan tidaklah salah membelinya."<sup>58</sup>

Fatwa yang pernah dikeluarkan oleh beliau ialah berkaitan masalah mengenai sembahyang hajat untuk orang lain. Fatwa yang dikeluarkan ialah, "Perkara tentang sembahyang hajat untuk orang lain, keputusan fatwa dalam masalah ini ialah sembahyang hajat untuk orang lain atau atas kehendak orang

<sup>55</sup> Mohd Shukri Muhammad, "Jemaah Ulama' ", *Pengasuh* (1991), h 6

<sup>56</sup> Ibid

<sup>57</sup> Salinan surat balas Mufti Kelantan, Dato' Haji Muhammad Nor kepada Encik Nik Shafie bin Nik Muhammad, bertarikh 16 Februari 1982.

<sup>58</sup> Ibid

lain itu, belum didapati ada naqal atau nasnya, juga tidak didapati ada larangan tetapi ada nas untuk diri sendiri.”<sup>59</sup>

Secara keseluruhannya, masyarakat Kelantan khususnya dilihat menerima baik fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh TGMNI. Penerimaan baik masyarakat, dilihat di atas dua faktor, ketokohan beliau dalam pelbagai ilmu dan kebanyakkan masyarakat pada waktu tersebut terdiri daripada anak-anak muridnya, yang secara tidak langsung menerima baik fatwa dan pandangan yang beliau keluarkan. Ini menjadikan beliau dihormati kerana menjadi guru kepada masyarakat Kelantan, dan kewibawaan beliau dalam mengeluarkan fatwa tidak dipertikaikan dan dipertahankan oleh masyarakat setempat, terutama oleh anak-anak muridnya atau mereka yang pernah berguru dengan beliau.

Inilah di antara peranan dan pembaharuan yang dilakukan oleh TGMNI dalam institusi fatwa di Kelantan yang telah membawa kesan yang positif kepada masyarakat setempat.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, TGMNI merupakan seorang ulama’ dan mufti yang berpengalaman luas dalam bidang fatwa. Peranan yang dimainkan dan pembaharuan yang dilakukan oleh beliau sepanjang berkhidmat sebagai mufti telah memberikan kesan yang besar terhadap Jemaah atau Majlis Ulama’, sehingga ia menjadi amalan dan pegangan institusi tersebut hingga ke hari ini. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan semasa beliau menjadi mufti adalah bersifat menyeluruh dan menepati kehadak permasalahan semasa. Masyarakat juga menerima baik fatwa-fatwa yang dikeluarkan semasa beliau menjadi mufti dan menganggap beliau sebagai seorang mufti dan tokoh agama yang sukar dicari ganti.

## **Rujukan**

Abdul Monir Yaacob dan Roslili Abdul Majid, (1998), *Mufti dan Fatwa Negeri-Negeri Asean*, Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia

Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Muhammad Nor bin Haji Ibrahim (1356H/1956), *Bantuan Ketika Bagi Orang Yang Membahagi Pusaka*, Kota Bharu: Matba’ah al-Ma’arif

Muhammad Nor bin Haji Ibrahim (1957), *Ramuan Rapi Dari Erti Surah Al-Kahfi*, Kota Bharu: Pustaka Mustika Distribute

Muhammad Nor bin Haji Ibrahim (1973), *Muqaddimah Mustika Hadis Rasulullah S.A.W.*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal, Jabatan Perdana Menteri

Mohd Shukri Muhammad, “Jemaah Ulama’”, *Pengasuh*, bil 511, April 1991, Kota Bharu: MAIK

Noraini Mohd Zain, “Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”, dalam Nik Mohammed bin Nik Mohd Salleh, 1988, *Warisan Kelantan VII*, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

---

<sup>59</sup> Faridah binti Mat Nawi (1997), *Fatwa-fatwa Jemaah Ulama’ Negeri Kelantan (1970-1979)*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h 74

Abdul Razak Mahmud, “Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”, dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (1992), *Warisan Kelantan IX*, Kelantan: Perbadanan Muzium Kelantan

Muhammad Yunan Mahmood (2000), *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979-2000*, Kota Bharu, Kelantan: Yayasan Islam Kelantan, hal 145 dan Abdul Razak Mahmud, *Pengasuh*, bil 511, April 1991

Ismail Che Daud, “Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)”, *Pengasuh*, bil 520, Jun 1992

Mohd Kamil Abdul Majid, “Dato’ Haji Mohd Nor bin Ibrahim (1905-1987)”, *Pengasuh*, November 1991, bil 515

Faridah binti Mat Nawi (1997), *Fatwa-fatwa Jemaah Ulama’ Negeri Kelantan (1970-1979)*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Zurina Taib (1989), *Dato’ Haji Muhammad Nor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Negeri Kelantan*, Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya

## **Wawancara**

Wawancara dengan En Abdullah Yusof, pemandu TGMNI di Kampung Penambang pada 19 Julai 2003

Wawancara bersama Dato’ Haji Mohammad Shukri bin Muhammad, Mufti Kerajaan Kelantan di Pejabat Mufti, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 20 Julai 2003

Wawancara bersama Allahyarham Dato’ Haji Hasbullah bin Mohd Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan di Pejabat Mufti Kelantan, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 3 Ogos 2003